

# Keganasan rumah tangga menurun

Takut atau dipengaruhi adik beradik dan pihak ketiga punca kes kurang dilaporkan

**KUALA NERUS** – Kes keganasan rumah tangga merekodkan penurunan iaitu sebanyak 3,268 kes setakat Ogos pada tahun ini berbanding 4,123 kes dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Che Azizah Che Rashid berkata, Selangor antara negeri yang paling banyak dilaporkan berlakunya kes berkenaan, manakala Perlis adalah yang paling rendah.

“Secara amnya, ke-

banyak mangsa masih lagi dipengaruhi dengan persepsi takut atau bimbang untuk melaporkan kes keganasan rumah tangga yang berlaku terhadap mereka hingga masih ramai yang dibelenggu dengan masalah tersebut.

“Malah, tidak dapat dinafikan pengaruh pihak ketiga sama ada adik beradik atau ahli keluarga yang lain turut menyumbang kepada kurangnya kes keganasan yang dilaporkan kepada pihak berkuasa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Persidangan Intervensi Kaunseling Krisis dan Trauma 2014 ‘Bicara Gender: Wanita Anti Keganasan’ di Dewan Perdana Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (Unisza) Kampung

Gong Badak, semalam.

Menurut Che Azizah lagi, pelbagai usaha telah dilakukan termasuk melaksanakan program turun padang untuk bertemu masyarakat di peringkat akar umbi untuk memberi pendedahan kepada golongan itu untuk lebih menyedari hak mereka.

“Kita (Jabatan Pembangunan Wanita) dan agensi-agensi lain antaranya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan lain-lain sedia membantu dan akan mempertingkatkan usaha untuk membantu wanita yang teraniaya ini.

“Sehubungan itu, kita berharap wanita yang menjadi mangsa ke-



Sebahagian peserta yang menghadiri persidangan yang berlangsung di Unisza.

ganasan ini segera membuat laporan bagi membolehkan bantuan diberikan kepada mereka dengan sebaiknya,” katanya.

Sementara itu, dalam persidangan anjuran bersama Jabatan Pembangunan Wanita dan Fakulti Undang-

Undang dan Hubungan Antarabangsa Unisza berjaya menarik penyertaan seramai 150 peserta.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS/SETIU	
SUBUH	5:36
SYURUK	6:53
ZOHOR	12:54
ASAR	4:13
MAGHRIB	6:53
ISYAK	8:03